



SIARAN MEDIA

PELBAGAI INISIATIF DAN KEISTIMEWAAN UNTUK OKU DISEDIAKAN OLEH KERAJAAN

MELAKA, 27 Oktober 2021 - YB Datuk Seri Rina Mohd Harun, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat hari ini telah merasmikan Majlis Pelancaran Sistem Pendaftaran OKU Secara Dalam Talian (MyDaftar OKU) bertempat di Persatuan Kebangsaan Autis Malaysia (NASOM), di Bukit Peringgit, Melaka.

MyDaftar OKU merupakan inisiatif Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) untuk menambahbaik sistem pendaftaran sedia ada yang menggunakan platform Sistem Maklumat Orang Kurang Upaya (SMOKU). Sistem ini akan memantapkan lagi penyampaian perkhidmatan kepada OKU dalam urusan pendaftaran selari dengan **Teras Strategik 8: Pelan Tindakan OKU 2016-2022** yang menggariskan tentang **keperluan mewujudkan pangkalan data OKU dan sistem maklumat yang komprehensif** bagi meningkatkan pendaftaran OKU.

Sistem MyDaftar OKU ini penting bagi membolehkan pihak Kerajaan membuat perancangan teliti secara holistik dan dapat menggubal dasar yang bersesuaian dengan keperluan OKU berdasarkan data-data yang tepat dan menyeluruh. Ianya juga bagi memastikan **tiada golongan OKU yang tercicir dan ketinggalan** daripada perhatian Kerajaan serta mendapat

kesaksamaan dan peluang penyertaan golongan OKU ke dalam masyarakat tercapai.

Pendaftaran Orang Kurang Upaya (OKU) adalah tertakluk kepada **Akta OKU 2008 (Akta 685) dan ia dilakukan secara sukarela atas dasar tanggungjawab sosial.** Mengikut statistik SMOKU, **sehingga 30 September 2021, seramai 582,944 OKU telah berdaftar** dengan JKM. Walau bagaimanapun, jumlah tersebut masih kecil berbanding anggaran 15% bersamaan 4.8 juta daripada populasi negara adalah OKU. Terdapat **32 manfaat dan keistimewaan** yang **ditawarkan oleh pelbagai pihak sama ada oleh sektor Kerajaan mahupun swasta** untuk dinikmati oleh OKU yang berdaftar dengan JKM. Antara manfaatnya adalah seperti berikut:

- (i) bantuan kewangan JKM mengikut syarat dan kelayakan semasa;
- (ii) pelepasan/pengecualian cukai oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri;
- (iii) Skim Bantuan Galakan Perniagaan OKU (SBGPOKU) yang disediakan oleh Kementerian Sumber Manusia;
- (iv) pengurangan tambang pengangkutan;
- (v) program bantuan pelajar OKU di sekolah (Kementerian Pelajaran Malaysia); dan
- (vi) saluran khas pengambilan OKU di IPTA (Kementerian Pendidikan Tinggi).

“Saya berharap melalui pelaksanaan Sistem MyDaftar OKU, penyampaian perkhidmatan berkaitan pendaftaran OKU akan lebih efektif dan akan meningkatkan kadar pendaftaran OKU di seluruh negara. Sistem ini menggunakan capaian yang mudah dan pantas kepada sistem pendaftaran serta sistem carian maklumat OKU yang lebih sistematik supaya ramai OKU mendapat mengakses. Ia juga membolehkan OKU menerima manfaat daripada inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan. Selain itu, ia juga akan membuka ruang kepada OKU untuk berdikari melalui penyertaan dalam sektor awam dan swasta melalui pendaftaran MyDaftar OKU selain

dapat menangani masalah kehilangan Kad OKU. **Kementerian menyasarkan 2,000 permohonan pendaftaran OKU akan diluluskan Kad OKU Digital dalam bulan November 2021**” ujar YB Menteri.

Kementerian optimis bahawa **inisiatif MyDaftarOKU ini dapat dilaksanakan sebagai salah satu projek yang berimpak tinggi** untuk menambahbaik penyampaian perkhidmatan kepada OKU. YB Menteri juga menyeru syarikat-syarikat swasta memberikan sokongan kepada usaha Kementerian untuk menggalakkan pendaftaran secara aktif dan lebih agresif. Diharapkan juga akan lebih banyak insentif dan kemudahan mesra OKU serta peluang-peluang pekerjaan diberikan kepada golongan OKU kerana semua golongan perlu dilibatkan di dalam agenda pembangunan negara.

Kerjasama semua pihak diperlukan sebagai ahli **KELUARGA MALAYSIA** untuk sama-sama mengambil tanggungjawab memperkasa dan meningkatkan kualiti kehidupan khususnya untuk kumpulan sasar yang terdiri daripada golongan rentan yang amat memerlukan.

KPWKM menyeru masyarakat awam menghubungi Talian Kasih 15999 dan Talian Whatsapp 019-26 15999 yang beroperasi 24 jam atau hadir ke Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah yang berhampiran atau melayari laman sesawang www.jkm.gov.my dan juga melalui media sosial rasmi JKM bagi mendapatkan maklumat lanjut berkenaan MyDaftar OKU ini.

**Unit Perhubungan Awam
Jabatan Kebajikan Masyarakat**